

Headline **Penarafan universiti dunia**  
Date **19. Aug 2008**  
Media Title **Berita Harian**  
Section **Pendidikan**  
Circulation **217920**  
Readership **2083000**

Language **MALAY**  
Page No **16,17**  
Article Size **742 cm2**  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **13128.73**



BERJAYA: Pameran Beyond Mediocrity yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian UPM mempamerkan hasil penyelidikan pelajar UPM.

# Penarafan universiti dunia

## UPM tingkat penerbitan jurnal berimpak tinggi

**D**UA bulan lagi, Times Higher Education Supplement-Quacquarelli Symonds (THES-QS), badan yang sudah empat tahun membuat penarafan ke atas universiti dunia, sekali lagi akanewartakan kedudukan bagi tahun ini.

Keputusan ranking universiti itu pastinya ditunggu-tunggu seluruh rakyat Malaysia dan tumpuannya pasti terhadap empat universiti penyelidikan negara iaitu UPM, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Sukar untuk meramal kedudukan universiti kita tahun ini berikutan kaedah dan metodologi yang sentiasa diubah suai THES bertujuan menjadikan keputusan penarafan itu lebih tepat.

Meneliti keputusan sebelum ini, ramai pihak menyifatkan penilaian THES bukanlah pengukur mutlak sesebuah universiti kerana penilaiannya tidaklah mencerminkan profil, pencapaian serta prestasi mahupun kualiti sebenar universiti di negara ini.

Bagi universiti di negara kita, khususnya universiti penyelidikan, ia adalah satu cabaran hebat untuk mengubah kedudukan ranking masing-masing selepas mengalami kejatuhan sebelum ini, selain gagal terse-

### Bicara CANSELERI

*Ikuti pandangan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, mengenai isu ranking universiti dan usaha penambahbaikan bagi mengangkat kedudukan universiti tempatan ke peringkat global kepada wartawan pendidikan Berita Harian, Khairina Yasin*

narai dalam 200 universiti terbaik dunia, tahun lalu.

Biar apapun persepsi masyarakat, penilaian penarafan itu perlu dilihat sebagai sesuatu yang positif untuk menambah baik universiti.

Berikutan itu, universiti tempatan mencari jalan memperbaiki kelemahan, ada antaranya sukar dicapai dalam masa singkat berbanding institusi yang menduduki senarai terbaik dunia.

Sebagai contoh, UPM, dalam ranking tahun lalu mengesankan beberapa kelemahan khususnya dari segi penerbitan dan petikan dalam jurnal berimpak tinggi



**“** Sukar untuk nermal kedudukan niversiti kita tahun ii berikutan kedah dan metodogi yang sentias diubah suai THES bertujuan menjadikan keputusan prnarafan itu lebih tept.

Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah Naib Canselor Univesi Putra Malaysia

### INFO

- UPM kini mempunyai 16 fakulti, dua sekolah, sembilan institut, satu akademi dan sembilan pusat penyelidikan.
- Kira-kira 31,000 pelajar kini mengikuti pengajian dalam 75 program berbeza dengan lebih 2,400 kakitangan akademik
- Penerima geran penyelidikan tertinggi antara IPTA sejak RMK-5
- 16 produk UPM berjaya dikomersialkan setakat ini dengan nilai jualan kasar sebanyak RM28.12 juta, nilai terbesar dicatatkan di kalangan IPTA

dan langkah diambil dengan menetapkan indeks prestasi utama (KPI) ke atas kumpulan akademik universiti.

Di universiti ini, diwajibkan setiap profesor menghasilkan tiga jurnal setahun, diikuti profesor madya (dua) dan pensyarah (satu) dan usaha ini jelas menampakkan kejayaan apabila 732 jurnal berjaya dihasilkan pada 2007, meningkat 20 peratus berbanding 457 pada 2006.

Begitu juga dengan petikan dalam jurnal berimpak tinggi yang turut meningkat dari 2,188 pada 2006 kepada 2,573 tahun lalu. Dalam bidang penyelidikan

pula, UPM sememangnya cemerlang dengan pelbagai kejayaan diraih penyelidiknyanya sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa sejajar dengan peningkatan kepada 811 penyelidik sehingga April lalu berbanding hanya 612 pada 2006.

Bukti ini jelas menunjukkan UPM tidak hanya berpeluk tubuh, malah terus berusaha mencari jalan memantapkan universiti.

Dalam pada itu, universiti perlu jelas bahawa ranking IPT seperti THES, Ares dan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (Setara) adalah sebahagian daripada kerangka jaminan kualiti secara umum.

Oleh itu, sewajarnya universiti faham ranking bertujuan mendorong dan membina budaya akauntabiliti, ketelusan, kualiti serta persaingan sehat.

Yang jelas, UPM kini gigih meletakkan matlamat, strategi dan perancangan bagi mencapai taraf universiti Apex dan menerajui bidang pertanian tropika dan biodiversiti penyelidikan terkemuka dunia menjelang 2015.

Fokus kini tertumpu kepada usaha meningkatkan penguasaan dan pengurusan biopenyelidikan membabitkan teknologi saintifik tanpa menyebabkan kemusnahan kekal kepada biodiversiti, ekosistem, kesihatan dan kebajikan masyarakat.